



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM

Putrajaya, 21 Oktober – KPWKM memperkenalkan Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM khusus kepada wanita yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang telah **memberi impak kepada kehidupan masyarakat** termasuk golongan wanita **dalam pelbagai aspek terutamanya penjanaan pendapatan**. Inisiatif ini **akan membantu wanita mencari jalan keluar daripada kesempitan hidup dan bangkit untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga** mereka.

Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM **memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan** melalui kedua-dua sektor formal dan informal. Wanita dihubungkan kepada peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta melalui penganjuran Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita. Para peserta turut diberikan akses **kepada platform dan peluang perniagaan atau keusahawanan seperti menjadi ejen *dropship* dan lain-lain**.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, “Inisiatif ini akan dapat memberi manfaat kepada wanita terutamanya daripada golongan suri rumah, B40, M40, wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal mahupun wanita yang ingin membantu keluarga mencari meningkatkan pendapatan”.

Bagi menjayakan inisiatif ini, sinergi dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pemain-pemain industri dan sektor swasta telah diadakan dalam membantu wanita bangkit dan **menjana pendapatan** bagi memulihkan ekonomi

mereka dan keluarga.

Antara agensi dan syarikat yang bersama-sama menjayakan **INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM** ialah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), LPPKN, YKN, TalentCorp Malaysia, PERKESO, HEYHO Sdn Bhd, DSAB Holdings Sdn. Bhd, UniKL Resources Sdn, Bhd. Leong Hup International Berhad, Syukor Dagang Sdn. Bhd, Sugarbelle Sdn Bhd dan RichWorks International Sdn. Bhd.

YB Datuk Seri Rina ketika ditemui semasa melancarkan program **WANITA BANGKIT BERNIAGA** di bawah anjuran RichWorks International Sdn. Bhd menggesa wanita untuk merebut peluang keemasan ini, bagi menimba pengalaman, serta meningkatkan ilmu pengetahuan.

Kaedah ini lebih memudahkan golongan wanita, untuk turut serta terutamanya membabitkan suri rumah. Program ini dapat memberi manfaat dan peluang kepada wanita, **untuk mengenal pasti dan memaksimumkan potensi diri bagi menaik taraf hidup** dalam situasi ekonomi yang mencabar ini.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Jabatan Pembangunan Wanita
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 21 Oktober 2021